



Rancangan Strategik 2012 - 2017

Pejabat Peguam Negara



"Pengedia Perkhidmatan Undang-Undang Berkualiti Tinggi"






Hakcipta @ Pejabat Peguam Negara, Brunei Darussalam 2011

Semua hak terpelihara.

Mana-mana bahagian dari penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula
atau disiarkan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara,
elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi,
rakaman atau apa-apa sistem storan dan
mendapatkan kembali maklumat, tanpa kebenaran bertulis
daripada Pejabat Peguam Negara.



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

PETIKAN TITAH

“Di antara usaha yang telah pun diperkenankan baru-baru ini, ialah program pencejajaran, yakni ‘alignment’, di mana setiap kementerian dan jabatan Kerajaan perlu menyediakan perancangan strategi organisasi masing-masing supaya usaha-usaha yang dilaksanakan oleh organisasi-organisasi berkenaan akan dapat diselaraskan dengan hasrat, wawasan dan aspirasi Negara yang telah digariskan.”

“Beta berharap semua agensi Kerajaan mengambil perhatian berat terhadap program ini”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-57 pada Hari Selasa, 15 Jamadilawal 1424 Hijriah bersamaan dengan 15^{hb} Julai 2003
di Istana Nurul Iman.

ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN	1
MUKADIMAH	3
RINGKASAN EKSEKUTIF	6
PENDAHULUAN	12
CARTA ORGANISASI	14
ISU STRATEGIK, TUJUAN DAN TEMA	15
PETA STRATEGI PERINGKAT ATASAN PEJABAT PEGUAM NEGARA	19
PETA STRATEGI BAGI 15 TEMA	19
HALA KE HADAPAN	20
LAMPIRAN-LAMPIRAN	21
PENGHARGAAN	25

KATA ALU-ALUAN



*A*dalah menjadi satu penghormatan bagi saya menulis mukadimah ini bagi Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara bagi tahun 2010 – 2017. Proses menyediakan dan menerbitkan Rancangan Strategik bermula pada bulan Jun 2010 dengan penubuhan *Task Force* Rancangan Strategik yang dalam masa beberapa bulan telah melihat 2 perubahan dalam jawatan pengurusnya. Perubahan pertama adalah persaraan Yang Mulia Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaluddin, Penolong Peguamcara Negara, dalam bulan Jun 2011 dan pertukaran seterusnya melibatkan pengarsi kedua, Yang Mulia Dayang Naimah binti Mohd. Ali, Penolong Peguamcara Negara, yang kini menjadi Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri pada bulan Julai 2011. Sepertimana yang dijelaskan di dalam mukadimah Yang Berhormat Peguam Negara, *Task Force* ini telah melalui banyak perubahan yang perlu diurus dan ditanganinya supaya ia dapat menyempurnakan tugas yang diamanahkan kepadanya.

Saya percaya *Task Force* ini berjaya mengharungi perubahan tersebut kerana rancangan sudah pun siap diaturkan untuk mengenalpasti perubahan yang perlu dilaksanakan oleh Pejabat ini. Satu pelan tindakan telah disediakan yang mana menerangkan bidang dan inisiatif yang perlu ditangani. Dengan yang demikian, *Task Force* tetap berkomited untuk menyempurnakan tugas mereka meskipun perubahan tersebut berlaku.

Rancangan Strategik juga menerangkan Visi dan Misi baru Pejabat ini. Proses membaharui Visi dan Misi tersebut telah melibatkan proses pemikiran yang mendalam. *Task Force* ini terpaksa menghadapi persepsi dan menduga perubahan dan perkembangan kepada jenis perkhidmatan undang-undang yang diperlukan daripada Pejabat ini dalam masa 5 tahun yang akan datang. Pejabat ini sentiasa sedar akan kepentingan *stakeholders* serta kliennya dan pada itu menyedari bahawa beberapa persepsi mengenai peranan Pejabat ini perlu diubah bagi membolehkan Pejabat ini memberikan perkhidmatan yang sepatutnya. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam Misi baru Pejabat Peguam Negara.

Sesuatu rancangan itu baik hanya apabila ia dilaksanakan. Pejabat ini telah menyediakan penunjuk prestasi untuk beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan sebagai sebahagian dari Rancangan Strategik. Inisiatif ini telah dibincangkan secara menyeluruh dengan semua pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara dan maklum balas yang diterima semasa perbincangan tersebut adalah positif dan menggalakkan. Melalui perbincangan-perbincangan tersebut, saya percaya adanya kesedaran bahawa perubahan perlu dibuat untuk meningkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada *stakeholders* dan kliennya. Semangat dan komitmen yang diberikan oleh rakan-rakan sekerja saya di Pejabat ini adalah menggalakkan dalam melaksanakan Rancangan Strategik.

Akhir sekali, saya dengan ikhlas ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurus-pengurus *Task Force* Rancangan Strategik yang dahulu. Adalah satu penghormatan bagi saya untuk meneruskan apa yang telah mereka mulakan. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam *Task Force* Rancangan Strategik dan Jawatankuasa Penerbitan atas daya usahanya sehingga penerbitan ini terhasil.

DAYANG ALICE KHAN BINTI AHMAD KHAN
PENGGUBAL UNDANG-UNDANG
(PENGURUSI TASK FORCE RANCANGAN STRATEGIK)

MUKADIMAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

*T*idak dapat dinafikan perubahan tetap akan berlaku. Pastinya perubahan tetap akan berlaku sama ada kita mahukannya atau tidak. Jika perubahan berlaku, adalah lebih baik bersedia menghadapinya daripada dihimpit olehnya. Jika tidak bersedia, perubahan selalunya susah diharungi dan sejarah telah menunjukkan bahawa mereka yang tidak bersedia akan gagal.

Setiap organisasi perlu mengurus perubahan yang mesti diharunginya. Perubahan mungkin disebabkan oleh perubahan dalam ekonomi, sosio-politik dan juga dalam persekitaran undang-undang. Rancangan Strategik adalah salah satu wadah zaman moden yang membolehkan sesebuah organisasi mengenalpasti peranannya dan membantu dalam pengurusan dan perlaksanaan sebarang perubahan dan penyesuaian yang diperlukan dalam organisasi tersebut.



Atas sebab itulah saya amat berbangga untuk memperkenalkan Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara bagi tahun 2012 – 2017. Rancangan ini mengaturkan bidang-bidang yang telah dikenalpasti yang memerlukan perubahan bagi mencapai Visi dan Misi baru Pejabat ini. Sebahagian perubahan tersebut adalah seperti yang ditekankan kepada kami manakala jenis-jenis perubahan yang lain merupakan perubahan yang dirasakan perlu dan penting, sekiranya Pejabat ini ingin memberikan perkhidmatan undang-undang dalam persekitaran operasi pada masa ini dan juga dalam persekitaran yang diramalkan akan berlaku dalam masa 5 tahun yang akan datang.

Peningkatan besar dalam jumlah permintaan nasihat undang-undang, pendakwaan kes-kes jenayah dan penggubalan undang-undang yang memerlukan tindakan segera, berserta dengan peningkatan pesat dalam tuntutan-tuntutan kerajaan, perlu diurus tanpa penambahan dibuat kepada jumlah tenaga manusia Pejabat ini. Peguam-peguam, terutamanya mereka yang mempunyai kepakaran untuk menangani generasi baru cabaran undang-undang yang dihadapi oleh kerajaan pada hari ini, adalah sukar diperolehi. Persepsi yang ada pada masa ini adalah amalan undang-undang di sektor awam adalah lebih menarik jika dibandingkan dengan mereka yang berkerja di sektor awam. Oleh sebab itu juga, saya dengan berbesar hati berterimakasih dan menghargai sumbangan pegawai-pegawai yang terus komited dan bangga menjadi sebahagian daripada Pejabat Peguam Negara.

Ini membawa saya kembali kepada perubahan yang perlu dilaksanakan sebelumnya yang telah dijelaskan dalam Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara. Perubahan ini perlu dibuat supaya Pejabat ini terus relevan dan di samping itu mengekalkan dan menarik pegawai yang berkebolehan untuk berkhidmat dalam menjalankan amalan undang-undang di sektor awam. Sebahagian dari perubahan-perubahan tersebut telah pun dijalankan seperti penyusunan semula organisasi Pejabat Peguam Negara. Melalui penyusunan semula ini satu Bahagian baru telah diwujudkan iaitu Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang. Pembaikan telah juga dilakukan kepada Bahagian-Bahagian lain termasuk perubahan kepada tatacara struktur laporan Bahagian-Bahagian tersebut. Cabaran dan susah payah yang diharungi oleh pegawai-pegawai dan juga kakitangan yang terbabit semasa penyusunan semula ini hanya membuktikan bahawa proses perubahan bukanlah sesuatu yang mudah dan lancar. Alhamdullilah, setiap mereka yang terlibat telah memberikan sokongan padu dan kerjasama dan nampaknya struktur baru ini diterima dengan baik pada amnya. Lazimnya setiap rancangan baru pasti akan menerima penentangan tetapi saya dengan ikhlas berharap masa akan menunjukkan bahawa penyusunan semula ini adalah untuk kebaikan Pejabat ini dan negara kita yang tercinta.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada *Task Force* Rancangan Strategik dan Jawatankuasa Penerbitan yang telah bekerja keras untuk mengeluarkan dan menerbitkan Rancangan Strategik tersebut. Benar seperti tema perubahan, *Task Force* itu sendiri melihat perubahan kepimpinan sekurang-kurangnya dua kali – pertama, berpuncak dari persaraan dan kedua, kerana kenaikan pangkat. Ketabahan *Task Force* tersebut telah menghasilkan penerbitan Rancangan Strategik yang awda lihat di hadapan awda hari ini.

Pejabat ini akan sentiasa meneliti rancangan strategik ini untuk memastikan ia terus relevan kepada organisasi dan mereka semua yang bekerja di sini. Saya menggesa setiap orang di dalam Pejabat Peguam Negara untuk bekerja bersama saya dan rakan sekerja untuk memberikan perkhidmatan undang-undang yang berkualiti tinggi yang patut diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh dibanggakan.

Kehidupan adalah merupakan satu perjalanan dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang sudi berkongsi pengalaman dalam perjalanan ini ke arah kecemerlangan.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA SHAHBANDAR
DATO SERI PADUKA HAJI MOHD. SALLEH
PEGUAM NEGARA**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perlaksanaan Rancangan Strategik ini bermula dengan bengkel Rancangan Strategik yang telah diadakan dari 2hb hingga 4hb Jun, 2010, dengan bantuan konsultan. Kerja mengenai rancangan strategik ini diteruskan dalam bulan September dan selesai dalam bulan November 2010. Cadangan Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara adalah untuk tempoh 5 tahun, 2012 – 2017.

Matlamat-matlamat utamanya adalah seperti berikut -

- A. Untuk memperjelas dan menetapkan misi, visi dan nilai teras Pejabat Peguam Negara sebagai agensi dengan mandat di bawah Perlembagaan sebagai penasihat tentang segala perkara undang-undang yang berhubungkait dengan hal ehwal Negara Brunei Darussalam yang dirujukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- B. Untuk merumuskan strategi korporat yang meluas bagi Pejabat Peguam Negara dengan matlamat-matlamat yang berikut -
 - i. Untuk memperjelas jenis dan cara penajaran tugas-tugas Pejabat Peguam Negara dengan agensi-agensi lain Kerajaan;
 - ii. Untuk menyediakan garis panduan bagi semua bahagian dan unit di dalam Pejabat Peguam Negara bagi menjajarkan strategi-strateginya masing-masing dengan strategi korporat Pejabat Peguam Negara secara bersepadau, bersistem dan berkesan; dan,
 - iii. Untuk menyediakan rangka kerja mengikut konteks bagi semua rancangan strategik yang berfungsi (misalnya rancangan sumber tenaga manusia, rancangan belanjawan, rancangan ICT dll.) di dalam Pejabat Peguam Negara bagi menjajarkan dengan rancangan strategik korporat Pejabat Peguam Negara secara bersistem; dan



- C. Untuk mengadakan forum bagi semua bahagian dan unit Pejabat Peguam Negara untuk mempelajari lagi tentang pendekatan rancangan strategik kontemporari, dan pegawai-pegawai kanan akan menerima-pakai pemikiran strategik, pengurusan strategik dan perubahan pengurusan sebagai cara yang lazim untuk mengurus organisasi-organisasi awam dalam persekitaran yang cepat berubah.

Isu-isu dan matlamat-matlamat strategik diperoleh dari dua sumber utama. Pertama, dari Rancangan Pembangunan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam (Wawasan 2035), dan kedua dari analisis isu-isu strategik yang dibangkitkan oleh *Task Force* Rancangan Strategik dan juga berdasarkan kepada maklum balas yang membina daripada pegawai-pegawai kanan dan ketua-ketua bahagian di Pejabat Peguam Negara. 15 matlamat strategik utama telah dikenalpasti yang disenaraikan seperti berikut:

1. Perkhidmatan undang-undang yang berkualiti tinggi
2. Masa putaran yang pantas
3. Yakin dengan kualiti nasihat
4. Yakin dengan proses pendakwaan
5. Pengurusan ilmu pengetahuan dan membuat keputusan dengan berkesan
6. Pengurusan kes yang cekap



7. Perancangan belanjawan yang berkesan
8. Devolusi perkhidmatan Pejabat Pendaftaran
9. Peningkatan profil organisasi
10. Perkembangan kerjaya
11. Pendidikan undang-undang yang berterusan
12. Pengkhususan
13. Penasihat undang-undang dan kakitangan yang cemerlang
14. Perancangan dan peruntukan belanjawan yang berkesan
15. Kebertanggungjawapan kewangan



Setiap tema strategik di atas diperihalkan dengan menggunakan pendekatan *balanced scorecard* (“BSC”) Tekanan pendekatan yang diambil oleh Pejabat Peguam Negara adalah untuk menukarkan misi dan strateginya menjadi matlamat dan langkah. Peta strategi yang mengandungi proses-proses yang terkait secara logik bagi setiap tema telah dibuat untuk memberi laluan yang berkesan dan boleh difahami bagi menyampaikan strategi-strategi yang dicadangkan. Sebagai tambahan kepada peta strategi, penerangan terperinci mengenai proses-proses di dalam setiap tema juga diberikan dalam bahagian yang berasingan.

Adalah diambil maklum walaupun Rancangan Strategik dirumuskan bagi tempoh 5 tahun berikutnya (2012-2017), strategi yang dicadangkan akan dikaji semula pada setiap tahun dan perubahan yang bersesuaian akan dibuat apabila perlu berdasarkan persekitaran yang cepat berubah. Manfaat sebenar dan berpanjangan dari perancangan strategik adalah peluang untuk merangsang suasana organisasi di dalam Pejabat Peguam Negara bagi semua pegawai kanan untuk berfikir secara strategik sebagai tugas pengurusan bagi menghadapi cabaran mentadbir organisasi dalam abad ke-21.

Adalah diharapkan dengan penerimaan dan perlaksanaan strategi ini, Pejabat Peguam Negara akan meletakkan kedudukannya dan mengubahnya dalam masa yang tidak lama lagi menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi dengan memberikan nasihat undang-undang yang berkualiti tinggi secara berkesan dan sempurna kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya dan kepada negara pada amnya. Pada peringkat kebangsaan, peningkatan kesedaran tentang proses perundangan pada hakikatnya adalah penting bagi meninggikan kualiti membuat dasar dan untuk memastikan bahawa dasar-dasar akan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.







PENDAHULUAN

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 mewujudkan jawatan Peguam Negara dengan yang demikian lahirlah Pejabat Peguam Negara dan Peguam Negara menjalankan tugas-tugasnya sebagai penasihat tentang segala perkara undang-undang yang berhubungkait dengan hal ehwal Negara Brunei Darussalam yang dirujukkan kepadanya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Apabila Pejabat Peguam Negara mula-mula ditubuhkan, ia ditempatkan di tingkat bawah bekas Bangunan Setiausaha Kerajaan yang juga menempatkan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Pada masa itu kakitangannya terdiri daripada Peguam Negara, seorang setiausaha/jurutrengkas, 2 orang kerani dan seorang pembantu pejabat.

Pembukaan rasmi Bangunan Undang-Undang pada 3 Januari 1987 melihat Pejabat Peguam Negara berpindah ke bangunan barunya dan pada 5 Mei 2006, Pejabat Peguam Negara memperluaskan lagi ruang pejabatnya dengan menduduki tingkat satu dan tingkat dua Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah. Sekarang ini, Pejabat Peguam Negara mengandungi 130 orang pegawai dan 78 kakitangan.

Rancangan strategik Pejabat Peguam Negara adalah usaha untuk mengaitkan perkembangan dan pencapaianya yang sudah menjangkau 52 tahun, sejak penubuhannya dengan peranan sebagai sebuah organisasi Kerajaan dalam abad ke-21.

Pernyataan visi dan misinya yang baru memberikan ilham dan motivasi kepada organisasi dan ahli-ahlinya. Penggunaan kaedah *balanced scorecard (BSC)* dalam merumuskan Rancangan Strategiknya menyediakan rangka kerja untuk menyampaikan misi dan strategi Pejabat Peguam Negara dengan cara yang akan menjajarkan semua Bahagian ke arah mencapai visi dan misinya. Penunjuk Prestasi Utama juga digunakan untuk memaklumkan pegawai-pegawai dan kakitangan mengenai cabaran dan isu yang mendorong kejayaan pada masa ini dan masa hadapan.

Tumpuan Rancangan Strategik adalah ke arah meningkatkan tahap pemberian perkhidmatan undang-undang kepada orang yang ada kepentingan yakni *stakeholders* dengan elemen kritikal bagi mencapainya iaitu pengekalan dan pengambilan peguam-peguam yang berkebolehan tinggi dan kakitangan sokongan. Penerimapakaian dasar pengambilan yang lebih mantap lagi dan strategi perkembangan kemahiran yang inovatif adalah langkah-langkah ke arah mencapai tujuan ini.

Pejabat Peguam Negara juga menyedari bahawa untuk melaksanakan Rancangan Strategiknya dengan jayanya, Pejabat Peguam Negara perlu meningkatkan kesedaran orang yang ada kepentingan tentang perihal pentingnya memahami persekitaran undang-undang di mana mereka beroperasi. Bagi tujuan ini, program mendekati orang ramai yang telah dijalankan oleh Pejabat Peguam Negara untuk agensi-agensi Kerajaan, sekolah-sekolah dan orang ramai bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang undang-undang yang terpakai dan bagaimana undang-undang tersebut menyentuh mereka. Dengan tahap kesedaran yang meningkat itu, Pejabat Peguam Negara akan dapat memberikan perkhidmatan undang-undang yang diperlukan dengan cara yang berkesan dan tepat pada masanya.

Ahli-ahli *Task Force* Perancangan Strategik adalah:

- Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh, Peguam Negara selaku Penasihat;
- Yang Mulia Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin, Mantan Penolong Peguamcara Negara¹;
- Yang Mulia Dayang Naimah binti Mohd Ali, Mantan Penolong Peguamcara Negara²;
- Yang Mulia Dayang Alice Khan binti Ahmad Khan, Penggubal Undang-Undang;
- Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Penolong Peguamcara Negara;
- Yang Mulia Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohd Taib, Penolong Peguamcara Negara;
- Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abd Rahman; Penasihat Undang-Undang Kanan, Bahagian Sivil;
- Yang Mulia Dayang Riana Dewi binti Haji Aji, Penasihat Undang-Undang, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa; dan
- Yang Mulia Pengiran Kamis bin Pengiran Metamin, Pegawai Pentadbir Kanan, sebagai pegawai sumber.




¹ Yang Mulia Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin telah bersara pada Jun, 2011.

² Yang Mulia Dayang Naimah binti Mohd Ali telah pindah ke Jabatan Perdana Menteri sebagai Timbalan Setiausaha Tetap pada Julai, 2011.

CARTA ORGANISASI

STRUKTUR ORGANISASI PEJABAT PEGUAM NEGARA



ISU STRATEGIK, TUJUAN DAN TEMA



Lapisan komponen proses perancangan strategik adalah seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di atas.

VISI, MISI DAN NILAI TERAS PEJABAT PEGUAM NEGARA

VISI

Ke arah perkhidmatan perundangan berkualiti tinggi untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

MISI

Memberi perkhidmatan undang-undang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Arahan dan kawalan pendakwaan jenayah

Memberi perkhidmatan pejabat pendaftaran yang dikehendaki oleh undang-undang

NILAI TERAS

Berikut adalah nilai-nilai yang dianggap penting bagi semua pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara untuk mempunyainya. Nilai-nilai ini juga memberitahu dan membolehkan Pejabat Peguam Negara untuk mencapai visinya. Pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara hendaklah mempunyai Nilai Teras yang berikut:

Jujur dan Amanah

Integriti

Inovatif

Adil dan Saksama

Profesional

Progresif

Penajaran Rancangan Strategik dengan Rancangan Pembangunan Jangka Panjang

Rancangan Pembangunan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam atau Wawasan 2035 menyatakan 3 bidang pembangunan yang luas. Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara telah diwujudkan dengan mengambil kira matlamat-matlamat jangka panjang ini.

3 matlamat Wawasan 2035 adalah -

- Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi;
- Kualiti hidup adalah antara 10 buah negara teratas di dunia; dan
- Sebuah ekonomi yang dinamik dan mapan dengan pendapatan per kapita di dalam 10 negara teratas di dunia.

Rumusan Strategik

Analisis mengenai status organisasi semasa telah dijalankan untuk menentukan keadaan masa hadapan yang akan diambil oleh Pejabat Peguam Negara. Wakil-wakil daripada semua Bahagian di dalam Pejabat Peguam Negara terlibat sebagai ahli *task force* dan internalisasi matlamat strategik juga dilaksanakan.

Analisis Keadaan Semasa

Perhatian segera untuk meningkatkan profil organisasi dan mengurangkan kelambatan memberi perkhidmatan undang-undang telah dikenalpasti pada awalnya dalam perbincangan. Ditambah pula jangkaan yang meningkat daripada orang yang ada kepadaan terhadap tahap kecanggihan dalam bidang amalan undang-undang. Peningkatan penyertaan agensi-agensi Kerajaan dalam arena antarabangsa telah juga membawa kepada permintaan nasihat undang-undang dengan mengambil kira obligasi dan undang-undang antarabangsa.

Matlamat Strategik

Rangka kerja am Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara mengandungi matlamat strategik dengan sasaran dan strategi yang ditentukan bagi setiap matlamat strategik.

Ini digambarkan dalam 4 perspektif lingkungan operasi Pejabat Peguam Negara:


Orang yang ada kepentingan: Menentukan bagaimana Pejabat Peguam Negara dilihat oleh orang yang ada kepentingan dan apa yang diperlukan oleh orang yang ada kepentingan mestilah dipenuhi supaya visi Pejabat Peguam Negara dapat dicapai.

Proses Dalaman: Menentukan proses aktiviti dan tugas utama yang mesti ditumpukan oleh Pejabat Peguam Negara dalam usahanya untuk melaksanakan dan memenuhi jangkaan orang yang ada kepentingan.

Pembelajaran dan Perkembangan: Menentukan infrastruktur (orang, sistem dan prosedur organisasi) yang mesti dibina oleh Pejabat Peguam Negara untuk mewujudkan perkembangan dan peningkatan dalam masa jangka panjang.

Kewangan: Menentukan matlamat kewangan Pejabat Peguam Negara dan membenarkan organisasi untuk memastikan penjimatan kos dan mencapai penggunaan wang yang ada dengan betul.

PETA STRATEGI PERINGKAT ATASAN PEJABAT PEGUAM NEGARA



HALA KE HADAPAN

Menerima perubahan selalunya susah. Menggerakkan organisasi keluar dari zon selesa adalah tugas orang yang berani. Organisasi yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan lingkungan operasi yang berubah, risikonya ditanggung oleh organisasi itu sendiri. Organisasi mestilah sentiasa mengasimilasikan perubahan ini dan menyesuaikan prosesnya, meningkatkan keupayaannya dan bersedia menghadapi perubahan ini dengan tenang saja. Pejabat Peguam Negara tidaklah terkecuali.

Dalam melaksanakan Rancangan Strategiknya, Pejabat Peguam Negara bersedia membuat perubahan ke arah yang lebih baik lagi. Pejabat Peguam Negara melihat peningkatan pesat permintaan bagi perkhidmatan undang-undang daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai klien-klien kepada Pejabat Peguam Negara. Kecanggihan keperluan klien yang meningkat dan klien itu sendiri mewajarkan pendekatan Pejabat Peguam Negara perlu diperkemas untuk menangani klien-kliennya. Salah satu pendekatan ini adalah untuk mengambil langkah proaktif bagi membolehkan klien mendapat maklumat berkaitan yang perlu diberikan oleh pegawai-pegawaiannya dalam memberikan perkhidmatan undang-undang dengan berkesan.

Peningkatan program mendekati orang ramai dan sesi muzakarah dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan dan pihak-pihak lain yang berkaitan akan membantu Pejabat Peguam Negara dalam memberikan perkhidmatan undang-undang dengan berkesan. Peningkatan ilmu pengetahuan yang berterusan dan keupayaan serta pengkhususan kemahiran pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara adalah juga salah satu faktor kejayaan yang kritikal.

Rancangan Strategik ini telah dibincangkan secara mendalam dengan semua pegawai dan kakitangan di dalam Pejabat Peguam Negara. Rancangan Strategik ini yang disediakan dengan menggunakan kaedah *balanced scorecard* lebih dilihat sebagai wadah untuk menyampaikan dan memberitahu strategi organisasi bagi membantu menjajarkan inisiatif Bahagian-Bahagian, Unit-Unit dan individu-individu di dalam Pejabat Peguam Negara untuk mencapai matlamat bersama yang terpahat dalam visinya untuk menjadi penyedia perkhidmatan undang-undang yang berkualiti tinggi.

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Matlamat dan Inisiatif : Perspektif Orang Yang Ada Kepentingan

Matlamat	Langkah Perlaksanaan	Sasaran	Inisiatif (Alternatif yang disarankan)
S1: Perkhidmatan Undang-Undang Yang Berkualiti Tinggi		<ul style="list-style-type: none"> • Nasihat permulaan dan jawapan dalam masa 2 minggu dari tarikh Pejabat Peguam Negara menerima permohonan bagi pendapat/ arahan/ nasihat. 	
S2: Masa putaran yang pantas	<ul style="list-style-type: none"> • Masa putaran • Tinjauan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jawapan maklum balas ditingkatkan tahun ke tahun • 100% jawapan bagi kelulusan nama dalam masa 4 hari permohonan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Muzakarah bulanan
S3: Yakin dengan kualiti nasihat	<ul style="list-style-type: none"> • Borang maklum balas 	<ul style="list-style-type: none"> • 100% pengeluaran sijil-sijil pendaftaran dan pemerbadanan dalam masa 4 hari dari kelulusan dan pemfailan dokumen yang diperlukan dan penerimaan bayaran. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penerbitan penilaian sasaran setiap suku tahun • Lantikan Pegawai Perhubungan Media.
S4: Yakin dengan proses pendakwaan		<ul style="list-style-type: none"> • 100% pertanyaan dan aduan dijawab dalam masa 2 minggu. • Penyemakan minimum 5 penggal Undang-Undang Negara Brunei Darussalam setiap tahun. • Penyiaran Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang telah dikemaskini secara online. • Penterjemahan minimum 5 naskhah Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu setiap tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlaksanaan Sistem BRULAW (Undang-undang Brunei secara Online). • Perlaksanaan Sistem AGCIS (Sistem Maklumat AGC).

Matlamat dan Inisiatif : Perspektif Proses Dalam

Objektif	Langkah Perlaksanaan	Sasaran	Inisiatif
P1: Pengurusan Ilmu Pengetahuan dan Membuat Keputusan dengan berkesan			
P2: Pengurusan Kes dengan cekap	<ul style="list-style-type: none"> • Penilaian prestasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan peratus penilaian prestasi tahun demi tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemerolehan alat penyelidikan dalam talian dan lesen bagi semua pegawai.
P3: Perancangan belanjawan yang berkesan	<ul style="list-style-type: none"> • Masa putaran (proses dalaman) 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelesaian proses menasihat dan respons dalam masa 10 hari bekerja selepas Pejabat Peguam Negara menerima permintaan pendapat/ arahan/ nasihat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penugasan dan pembahagian tugas yang cepat.
P4: Devolusi perkhidmatan Pejabat Pendaftaran		<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan semula Bahagian-Bahagian dan Unit-Unit AGC. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penggubalan dan penerbitan Manual Arahan Pegawai (O.I.M).
P5: Peningkatan profil organisasi		<ul style="list-style-type: none"> • Mengatur dan menerbitkan proses-proses kerja dalaman. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melatih pegawai-pegawai tambahan.
		<ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan penukaran data bagi Sistem <i>E-Registry</i>. • Menyelesaikan peningkatan Sistem <i>E-Registry</i>. • Pemerolehan dan Perlaksanaan Sistem Maklumat Kes Peguam Negara (AGCIS). • Pemerolehan, Perlaksanaan dan Kajian Semula Sistem Undang-Undang Brunei Dalam Talian (BRULAW). • Penubuhan Bahagian Penterjemahan Undang-Undang dan Pengembangan Unit Penterjemahan Undang-Undang. • Pewujudan Bahagian Kajian Semula Undang-Undang dan Pembentukan Semula Undang-Undang. 	

Matlamat dan Inisiatif : Perspektif Pembelajaran dan Perkembangan

Objektif	Langkah Perlaksanaan	Sasaran	Inisiatif
L1: Perkembangan Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pakar dalam bidang utama untuk mencapai sasaran yang dikenal pasti bagi <i>Wawasan 2035</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya seorang pakar dalam bidang yang dikenalpasti dan bidang amalan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan kelompok perkhidmatan undang-undang: a) Litigasi; b) Nasihat; c) Kehakiman; d) Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun.
L2: Pendidikan Undang-Undang Berterusan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pegawai yang diantar bagi pendidikan profesional dan pendidikan tinggi khusus yang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya seorang pegawai daripada setiap bahagian menjalani latihan dalam perkhidmatan dan penempatan pada setiap tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatnya peranan Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia.
L3: Pengkhususan			
L4: Penasihat undang-undang dan kakitangan yang cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pegawai yang ditempatkan di organisasi antarabangsa, kamar hukum, firma guaman dan organisasi undang-undang berkaitan yang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan penuh kekosongan jawatan. • Perlaksanaan kenaikan pangkat secara tetap. • Mengoptimumkan pegawai dengan nisbah kakitangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyesuaikan permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan mengikut keperluan pengkhususan Kementerian / Jabatan-Jabatan / Agensi Kerajaan selaras dengan <i>Wawasan 2035</i>.
			<ul style="list-style-type: none"> • Perlaksanaan penilaian prestasi dan kenaikan pangkat sekurang-kurangnya setiap 2 tahun. • Mewujudkan skim perkhidmatan baru bagi pegawai. • Menyesuaikan bilangan kakitangan dengan keperluan organisasi

Matlamat dan Inisiatif : Perspektif Kewangan

Objektif	Langkah Perlaksanaan	Sasaran	Inisiatif
F1: Penguntukan dan perancangan belanjawan yang berkesan F2: Keber tanggungjawapan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan dan penguntukan dana yang teratur. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi sepenuhnya Peraturan-Peraturan Kewangan. • Dana yang mencukupi untuk digunakan. • Penguntukan dana yang berkesan. • Penggunaan sepenuhnya peruntukan tahunan. • Perancangan jangkaan belanjawan yang berkesan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan jawatankuasa perancangan belanjawan yang terdiri daripada wakil-wakil dari semua Bahagian, untuk mengkaji semula struktur kewangan atas dasar setiap suku tahun dan untuk mengenal pasti keperluan individu di setiap Bahagian. • Jawatankuasa audit dalaman untuk terus memantau agar Peraturan-Peraturan Kewangan dipatuhi. • Program-program ketelusan/kesedaran mengenai wujudnya struktur proses kewangan dan penyediaan kertas kerja. • Penerbitan akaun oleh Pentadbiran dan Kewangan: Perbelanjaan Khas, Emolumen Perbelanjaan yang berulang-ulang.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Peguam Negara, Peguamcara Negara, Penggubal Undang-Undang, Penolong-Penolong Peguamcara Negara dan semua warga Pejabat Peguam Negara kerana sumbangan dan kerjasama mereka dalam Penerbitan Rancangan Strategik 2012 – 2017 Pejabat Peguam Negara.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berikut –

Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Percetakan Kerajaan
Bahagian Fotografi dan Perpustakaan Pusat Sejarah

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka semua yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam Rancangan Strategik 2012-2017 Pejabat Peguam Negara.